



SIARAN MEDIA

634 KETUA ISI RUMAH TERIMA MANFAAT PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB) BAGI TAHUN 2023 DI NEGERI KELANTAN

KOTA BHARU, 16 Julai 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Kota Bharu, Kelantan pagi ini bagi meninjau pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

PPKB merupakan program yang merangkumi Program Baik Pulih Rumah di Bandar dan Program Bina Baharu Rumah di Bandar. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup kumpulan miskin bandar melalui penyediaan kediaman yang selesa dan selamat untuk dihuni dan seterusnya menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti dan sejahtera kepada komuniti di bandar.

Bagi tahun 2023, KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM9,669,000 di bawah Program Bantuan Perumahan untuk Negeri Kelantan yang merangkumi RM9,465,000 untuk Program Baik Pulih Rumah di Bandar dan RM204,000 untuk Program Bina Baharu Rumah di Bandar.

YB Akmal berkata, “PKKB merupakan satu usaha komited KPKT dalam membantu rakyat dan terus memberikan sentuhan kasih sayang bagi menangani isu kemiskinan bandar dalam kalangan B40.”

Tambah beliau, “Peruntukan ini bakal memberi manfaat kepada 634 Ketua Isi Rumah (KIR) di Kelantan dalam usaha menambah baik kualiti kehidupan keluarga di bandar. Sehubungan itu, sehingga Julai 2023, MPKB-BRI telah menerima peruntukan sebanyak RM1,071,000 bagi program ini yang akan memberi manfaat kepada 68 KIR.”

Dalam lawatan kerja tersebut, YB Timbalan Menteri telah meninjau pelaksanaan PPKB bagi tiga (3) penerima Program Bina Baharu Rumah di Bandar berjumlah RM168,000 bagi tahun 2022 dan tiga (3) penerima Program Baik Pulih Rumah di Bandar berjumlah RM45,000 bagi tahun 2023 di bawah Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI).

KPKT akan terus memfokuskan kepada agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat menyediakan perumahan yang selesa terutama bagi golongan B40. Ia selari dengan aspirasi dan keprihatinan kerajaan MADANI dalam mewujudkan perumahan yang mampu milik, kondusif, mampan dan berdaya huni untuk rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

